

BERSATU masuk Sabah perkukuh PH: Tun M

➔ Keputusan bukan untuk menentang kerajaan WARISAN

Oleh Rohaniza Idris, Nadia Hamid, Mohd Izham Unnip Abdullah, Suzianah Jiffar, Poliana Ronnie Sidom dan Olivia Miwil
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mengesahkan parti diterajuinya akan melebarkan sayap ke Sabah.

Perdana Menteri berkata, perkara itu diputuskan pada mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) parti berkenaan dengan tujuan menguatkan lagi kedudukan Pakatan Harapan (PH) di negeri terbabit.

"Kehadiran BERSATU di Sabah

untuk menguatkan kerajaan, bukan menentang kerajaan negeri yang dipimpin Parti Warisan Sabah (WARISAN). Lagi pun PH menerima WARISAN dalam kerajaan dan bantu Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Ketua Menteri Sabah) membentuk kerajaan.

Bukan untuk tukar kerajaan

"Kehadiran BERSATU bukan untuk menukar kerajaan. Kita buat keputusan ini selepas melihat keadaan di Sabah, di mana ada yang tak mahu sertai WARISAN, sebaliknya menyokong BERSATU," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat MPT BERSATU di Yayasan Al Bukhary di sini, semalam. Yang hadir sama, Presiden BERSATU, Tan Sri



Dr Mahathir mengadakan sidang media selepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU di Yayasan Al Bukhary, Kuala Lumpur, semalam.

Muhyiddin Yassin; Timbalannya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Ketua Penerangan, Dr Mohd Radzi Jidin.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat juga menetapkan kemasukan ahli baharu di Sabah bukan dalam kalangan ahli parti kerajaan sedia ada, iaitu DAP, PKR dan Parti Amanah Negara (AMANAH) serta tidak terhad kepada bekas ahli UMNO sahaja.

"Keadaan sekarang ialah semua tiga parti PH (DAP, PKR dan PAN) sudah berada lama di Sabah dan mereka ambil bahagian dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). BERSATU tidak ada di sana sebab

kita serah peranan itu kepada Mohd Shafie yang menubuhkan parti WARISAN.

Perkara luar biasa

"Dengan adanya parti yang menyokong Kerajaan PH, kita menang di Sabah. Yang memerintah Sabah (ketika ini) adalah PH, dipimpin WARISAN. Ini perkara luar biasa sebab WARISAN bukan ada dalam PH, bukan ahli dalam PH," katanya.

Bagaimanapun, katanya, masalah timbul apabila ahli UMNO di Sabah keluar dan membubarkan parti itu dengan ada dalam kalangan mereka memilih menyertai

BERSATU dan bukan WARISAN yang menjadi parti penyokong PH.

"UMNO sudah tiada di Sabah dan mereka (bekas ahli UMNO) pula memilih untuk tidak menyertai Warisan melainkan seorang saja. Yang lain minta nak jadi ahli BERSATU, namun kita tidak ada di sana.

"Ini sukarkan parti kita (PH) di Sabah dan kerjasama kita dengan bekas UMNO yang sebenarnya ingin jadi ahli BERSATU," katanya turut mengulangi syarat pemimpin dan ahli UMNO yang mahu menyertai BERSATU mesti keluar parti lama mereka dan menunjukkan sokongan kepada BERSATU.

BH
- 16/12/2019
m/s: 2